

# Masalah parti tidak halang pilihan raya

Oleh Othman Mamat dan Ahmad Zaini Kamaruzzaman

JITRA, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan boleh mengadakan pilihan raya umum bila-bila masa tanpa perlu mengambil kira masalah yang dihadapi oleh parti-parti komponen Barisan Nasional (BN).

Pilihan raya umum, kata Perdana Menteri, perlu diadakan kerana ia adalah satu keperluan dan penting untuk negara.

"Pilihan raya boleh diadakan bila-bila masa dan ia tidak berkaitan dengan masalah yang dihadapi parti kerana ia (pilihan raya) adalah satu keperluan dan kepentingan untuk negara.

"Saya menolak pendapat menyatakan kita perlu memastikan tiada masalah sebelum mengadakan pilihan raya. Kita (kerajaan) tidak bertanggungjawab jika membiarkan al-Arqam menyebarkan ajaran palsu semata-mata menjaga kepentingan kita dalam pilihan raya.

"Kita tak melakukan perkara seumpama ini walaupun ia mungkin membuatkan kerajaan tidak begitu popular. Tugas melindungi Islam akan diteruskan juga," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan khas Umno bahagian Kubang Pasu, di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN ditanya sama ada beberapa isu yang dihadapi kerajaan seperti isu Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik dan al-Arqam mungkin melewatkan lagi tarikh pilihan raya umum.

Menurut Perdana Menteri, memang ada pihak yang berpendapat kerajaan patut mengelakkan masalah sebelum mengadakan pilihan raya tetapi beliau sudah memberikan penjelasannya.

Mengenai saranan Majlis Peguam supaya kerajaan menentukan sama ada hendak mendakwa ketua al-Arqam, Asaari Mohamad atau membebaskannya, beliau berkata undang-undang di negara ini memperuntukkan bahawa seseorang itu boleh ditahan sama ada untuk dihadapkan ke mahkamah ataupun tidak.

"Kalau kita berpendapat bahawa tak perlu dia dihadapkan ke mahkamah, kita tidak akan menghadapkannya ke mahkamah tetapi kalau kita berpendapat dia perlu dihadapkan ke mahkamah kita akan menghadapkannya ke mahkamah," katanya.

Terdahulu itu, dalam ucapannya, Presiden Umno berharap ramai orang berminat dengan pilihan raya umum sekarang kerana mahu mendapatkan peluang memilih parti itu untuk terus memerintah.

Bagaimanapun, katanya, ada juga yang berminat dengan pilihan raya semata-mata kerana berpendapat mereka mempunyai peluang untuk disenaraikan sebagai calon.

"Sebab itu bagi mereka lebih cepat diadakan pilihan raya lebih baik kera-

## Masalah parti tidak halang pilihan raya

DARI MUKA 1

na peluang nak menjadi Yang Berhormat lebih banyak," katanya.

Menurut Dr Mahathir, perkembangan ini menimbulkan masalah kepada kepimpinan parti kerana tidak semua orang yang berminat menjadi calon akan disenaraikan dan bila itu berlaku, timbul perasaan kecewa.

"Sementara pilihan raya memberi peluang kepada sesetengah orang belum mendapat tempat, ia juga menggagalkan cita-cita sesetengah yang lain kerana tidak dapat tempat," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, seseorang pemimpin itu dipilih bukan untuk memberi peluang kepadanya berseronok dan menggunakan kedudukan bagi melakukan sesuatu bagi diri sendiri.

Sebaliknya, kata beliau, mereka mesti bersikap bertanggungjawab dan sedar mereka dipilih untuk menjalankan tugas, bukan kerana hendak diberi tempat yang lebih baik daripada orang lain.

"Kalau kita sedar perkara ini, kita tidak payah berebut sangat (hendak jadi pemimpin) kerana beban pemimpin ini besar dan bukan untuk dia hendak berseronok, menggunakan tempat untuk mencari kekayaan dan kadang-kadang mencari yang lain bagi diri sendiri.

"Mereka dipilih semata-mata kerana kita perlu kepada orang yang menjadi pemimpin untuk memberi haluan kepada parti... itu saja," katanya.